

PARADOKS ANTARA DEMOKRASI DAN KESELAMATAN NEGARA: ANALISA RINGKAS DARIPADA PILIHAN RAYA NEGERI MELAKA 2021

Mohd Azmir Mohd Nizah, Afi Roshezry Abu Bakar

ABSTRAK

Malaysia tidak pernah gagal menjalankan proses pilihan raya, sebagai bukti amalan demokrasi terus subur walaupun ketika pandemik COVID-19 melanda. Tragedi pilihan raya negeri Sabah pada tahun 2020 telah menjadi batu asas pengurusan pilihan raya yang kreatif dan bertanggungjawab. Namun, krisis politik yang berterusan hingga berlangsung pilihan raya negeri Melaka menampakkan paradoks antara amalan demokrasi serta persoalan keselamatan negara yang menuntut revolusi pengurusan pilihan raya yang luar biasa dalam waktu yang luar biasa. Artikel ini menghujahkan amalan demokrasi Malaysia terus subur walaupun dalam persekitaran pandemik COVID-19. Prosedur operasi standard yang digunapakai membolehkan perjalanan pilihan raya yang selamat. Namun, artikel ini membuktikan pengaruh tuntutan amalan demokrasi elit melebihi kepentingan keselamatan negara. Beberapa isu serta cadangan juga telah dibincangkan.

Kata kunci: Pilihan Raya, Kesihatan Awam, Keselamatan Dalam Negeri, Politik

ABSTRACT

Malaysia has never failed to conduct an electoral process, as evidenced by the continued practice of democracy even in times of pandemics. The tragedy of the Sabah 2020 state election is the cornerstone of creative and responsible election management. However, the political crisis that continued until the Melaka state election revealed a paradox between the practice of democracy and the question of national security, which demanded an extraordinary election management revolution in an extraordinary time. This article argues that Malaysia's democratic practices continue to thrive even in times of pandemics. The standard operating procedures are adopted to enable the safe conduct of elections. Yet, the influence of elite politics makes democratic practices prevail over the importance of national security. Several issues and suggestions are also discussed.

Keywords: *Election, Public Health, Homeland Security, Politics*

PENDAHULUAN

Proses dan amalan demokrasi Malaysia boleh dianggap terus subur sejak mengecapi kemerdekaan pada tahun 1957. Ini dapat dibuktikan dengan rekod pengamalan dan perjalanan pilihan raya yang berterusan sejajar dengan panduan di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Sehingga tahun 2018, Malaysia telah mengharungi 14 proses Pilihan Raya Umum (PRU) serta beratus lagi pilihan raya kecil atau pilihan raya negeri. Pilihan raya di Malaysia boleh dianggap sebagai kemuncak demokrasi.

Pilihan raya merupakan antara medium pilihan utama bagi setiap negara yang mengamalkan sistem demokrasi representasi bagi memperoleh mandat dari rakyat untuk memerintah dalam sesebuah kerajaan yang berdaulat. Malah pilihan raya adalah merupakan medium terbaik bagi rakyat untuk menunjukkan penyertaan mereka dalam membuat keputusan dalam sesebuah kerajaan. Penyertaan rakyat dalam pilihan raya dilihat semakin baik dan memberangsangkan dengan melebihi 80 peratus pengundi yang

membuang undi, walaupun terdapat kebimbangan terhadap penyertaan pengundi muda dalam partisipasi formal (Mohamad et al., 2018). Namun begitu, pilihan raya tetap menjadi antara ukuran demokrasi di Malaysia, dan menjadi medan pertembungan idea, perancangan dan manifesto parti politik dalam mendapatkan sokongan rakyat, seterusnya menjadi kerajaan semasa.

Sebagai sebuah negara yang mengamalkan demokrasi perwakilan, pilihan raya di Malaysia ditetapkan maksimum 5 tahun sekali bagi memilih wakil rakyat sama ada di peringkat Parlimen atau Persekutuan (Dewan Rakyat) ataupun di peringkat negeri, iaitu Dewan Undangan Negeri. Mandat ini seharusnya dijadikan sebagai amanah yang besar yang harus dipikul bagi setiap wakil rakyat yang dipilih (Roskin et al., 2017). Namun sebaliknya berlaku di mana ada wakil rakyat yang telah dipilih oleh rakyat sengaja mengosongkan kerusi yang dimenangi bagi memberikan laluan kepada Pilihan Raya Kecil (PRK) bagi memilih wakil rakyat yang baharu. Malah ada juga wakil rakyat yang sanggup melompat ke parti lain atau mengisytihar sebagai bebas tetapi cenderung pada sesebuah parti, walaupun telah dipilih oleh rakyat secara sah semasa proses pilihan raya. Ini dapat dibuktikan dengan berlakunya tragedi Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah yang berlangsung pada 26 September 2020 serta PRN Melaka pada 20 November 2021. Begitu juga berlakunya perubahan kepimpinan negeri akibat taktik kotor elit politik mendamba kuasa. Ini dapat dilihat sebagaimana yang terjadi di Kedah, Sabah, dan Perak pada tahun 2020. Perkara sebegini seharusnya tidak berlaku kerana walaupun secara undang-undang ia adalah dibolehkan dan secara demokrasi membuat keputusan dan pemilihan, ia adalah perkara yang tidak menyalahi, namun dalam konteks etika dan nilai, dengan sengaja meletakkan jawatan bagi memberi laluan kepada individu lain agar PRK boleh dijalankan, mahupun bertukar parti setelah memenangi kerusi, ataupun sengaja menarik sokongan terhadap kepimpinan individu sebagai ketua negeri yang boleh dikategorikan praktis buruk yang serius. Ini seolah-olah menggunakan semangat demokrasi atas kepentingan diri sendiri. Soal integriti wakil rakyat juga menjadi sebahagian daripada kesan perlakuan sebegini.

Ketaksuban dalam mendokong demokrasi penuh ini boleh dianggap sebagai salah faham, malah ia menjerumuskan masyarakat Malaysia dalam situasi politik yang memualkan. Oleh kerana ketaksuban kuasa, majoriti rakyat harus membayar kos demokrasi pilihan raya ini, dan ia menelan belanja yang bukan sedikit. Seharusnya, dengan sistem pilihan raya sebegini, ia sepatutnya menampakkan perpaduan antara entik yang pelbagai, kerana acuan demokrasi terhad, sebagaimana yang digelar oleh Crouch (1996) dan Milne & Mauzy (2002), adalah terjemahan daripada kondisi sosio-ekonomi dan politik masyarakat majmuk Malaysia. Maka, demokrasi ala-Barat bukanlah suatu pilihan yang adil bagi watan Malaysia dan isi masyarakatnya.

Ini telah membawa tragedi apabila negara terjerumus ke dalam gelombang pandemik COVID-19 buat kali ketiga. Ini dapat disahkan melalui sebuah kajian yang mendapati bahawa perkumpulan beramai-ramai telah menyebabkan kes COVID-19 bertambah sehingga 70 peratus daripada kadar biasa (Lim et al., 2021). Ia juga mencetuskan keselamatan dalam negara kerana kes jangkitan COVID-19 telah menular sehingga menyebabkan pengisytiharan darurat pada 11 Januari 2021. Jangkaan ini mungkin ada benarnya dengan laporan pada 15 November 2021 menunjukkan menunjukkan peningkatan sehingga 57% kes berkaitan COVID-19 serta nilai R-Naught atau kebolehjangkitan meningkat kepada 1.00 di Melaka pada 20 November 2021.

Oleh yang demikian, artikel ini akan membincangkan tentang tuntutan demokrasi walau dalam waktu pandemik, yang direka oleh golongan elit politik sehingga menyebabkan penularan besar. Ia meletakkan Malaysia dalam keadaan ancaman keselamatan hingga melembapkan kebangkitan daripada sebagai sebuah negara yang paling cepat bangkit daripada pandemik ke status antara negara yang paling lambat bangkit (JHCRC, 2021; KKM, 2021).

OBJEKTIF KAJIAN

Bagi mendapatkan jawapan kepada paradoks yang wujud, artikel ini mensasarkan kepada dua objektif kajian, iaitu:

- a) Mengenalpasti amalan demokrasi di Malaysia.
- b) Membincangkan persoalan keselamatan negara dalam waktu pandemic COVID-19.

SOROTAN KARYA

Amalan demokrasi di Malaysia boleh dibanggakan sehingga menjadi rujukan negara luar. Malaysia telah berjaya mengharungi 14 pilihan raya umum bermula pada tahun 1955. Barisan Nasional telah memenangi 13 kali pilihan raya umum sebelum tewas pada pilihan raya ke 14 pada Mei 2018 yang lalu kepada Pakatan Harapan. Namun, setelah tiga tahun berlalu, kestabilan yang dicari masih belum ditemui oleh elit politik dan ini telah mengakibatkan situasi politik tidak menentu di Malaysia. Ketidaktentuan ini telah memberi impak yang negatif terhadap perkembangan dan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Ia diparahkan lagi dengan penularan kes COVID-19 sehingga diisytiharkan sebagai pandemik global oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), yang memaksa perintah kawalan pergerakan dan juga proklamasi darurat diisytihar. Menariknya, kondisi politik Malaysia semakin membuak meskipun darurat.

Morgenbesser dan Pepinsky (2019) beranggapan pilihan raya di Malaysia boleh dikategorikan sebagai kemuncak demokrasi. Ia juga kelihatan sebagai medan perang bagi kesemua parti yang bertanding (Mohd Azmir Mohd Nizah & Afi Roshezry Abu Bakar, 2020). Dalam pada itu, penyertaan rakyat dalam pilihan raya dilihat semakin baik dan memberangsangkan dengan melebihi 80 peratus pengundi yang membuang undi. Namun terdapat juga kebimbangan terhadap penyertaan pengundi muda dalam partisipasi formal (Mohamad et al., 2018; Mohd Azmir Mohd Nizah & Sharif, 2019). Walau pun begitu, pilihan raya tetap menjadi antara ukuran demokrasi di Malaysia, dan menjadi medan pertembungan idea,

perancangan dan manifesto parti politik dalam mendapatkan sokongan rakyat, seterusnya menjadi kerajaan semasa.

Dengan amalan majoriti mudah atau “First Past the Post” berasaskan “Single Member Constituencies Plurality System” yang mana pemenang dipilih berdasarkan jumlah undi tertinggi yang dimiliki bagi setiap calon-calon yang bertanding dalam kawasan pilihan raya, tanpa melihat kepada undi yang diberikan oleh pengundi, atau dikenali sebagai undi popular. Inilah sistem yang digunapakai sejak pilihan raya umum yang pertama pada 1955 sehingga sekarang. Walaupun ia bukanlah sebuah sistem pemilihan yang komprehensif, namun dalam konteks Malaysia ia memberi kesan yang baik terhadap pembentukan perpaduan masyarakat yang pelbagai.


Walaupun demikian, dalam konteks manipulasi elit politik, sistem pilihan raya Malaysia ini telah menjadi alat mendamba kuasa. Ia tidak dapat dibendung apabila tragedi PRN Sabah terpaksa diadakan akibat perubahan dan penjajaran politik sebagaimana yang dinyatakan oleh Nor (2021) bahawa politik adalah antara risiko ancaman terhadap keselamatan. Amat malang, apabila PRN tersebut terpaksa diadakan sewaktu pandemik COVID-19 masih lagi menjadi igauan dan vaksin masih belum ditemukan (Mohd Azmir Mohd Nizah et al., 2020a; Nor, 2021). Natijahnya, keselamatan negara akibat pandemik semakin terancam dengan peningkatan kes pasca PRN sehingga memaksa Malaysia diletakkan di bawah perintah darurat kesihatan. Oleh yang demikian, praktik politik terlalu bertumpu kuasa dilihat boleh mengakibatkan keselamatan negara terancam. Oleh yang demikian, perlu adanya kesedaran dalam kalangan elit politik serta marhaen akan kepercayaan kesihatan yang boleh membantu dalam mendepani elit politik dahaga kuasa ini.

Model Kepercayaan Kesihatan (The Health Belief Model, HBM) adalah satu model yang secara umumnya dipercayai dan diterima kerana mempunyai kuasa prediktif yang sangat tinggi (Barakat & Kasemy, 2020; Christensen et al., 2020; Mohd Azmir Mohd Nizah et al., 2020b; Shahnazi et al., 2020). Model HBM

adalah panduan teoretikal dalam memahami kegagalan orang awam mematuhi strategi pencegahan penyakit atau ujian saringan untuk pengesanan awal penyakit. Ia merupakan model yang dikembangkan pada tahun 1950 oleh pengamal psikologi sosial Perkhidmatan Kesihatan Awam Amerika Syarikat. HBM dibangunkan daripada teori psikologi tingkah laku dengan asas bahawa terdapat dua komponen tingkah laku yang berkaitan dengan kesihatan. Pertama, keinginan untuk mengelakkan penyakit, atau keinginan untuk sembuh daripada penyakit. Kedua, kepercayaan bahawa tindakan kesihatan tertentu dapat mencegah, atau menyembuhkan penyakit. HBM mempunyai beberapa komponen penting untuk memberikan kerangka penjelasan berkaitan bagaimana individu mentafsir sesuatu keadaan dan sekaligus bertindak mengikut tafsiran tersebut (Barakat & Kasemy, 2020; Carico et al., 2021; Costa, 2020; Jose et al., 2021; Taylor et al., 2006; Tong et al., 2020; Wong et al., 2020). Rajah 1 Model Kepercayaan Kesihatan merujuk kepada Model Kepercayaan Kesihatan dan berpotensi untuk diubahsuai sebagai Model Kepercayaan Keselamatan.

Rajah 1

Model Kepercayaan Kesihatan



Komponen pertama HBM ialah anggapan kerentanan yang dirasakan. Ia adalah merujuk kepada persepsi subjektif individu terhadap risiko mendapat penyakit dan kesakitan (Al-Tahitah et al., 2021). Dalam konteks artikel ini boleh dikatakan persepsi terhadap risiko keselamatan. Terdapat banyak variasi dalam perasaan kerentanan seseorang terhadap keselamatan. Kedua, ialah anggapan keterukan yang dirasakan yang merujuk kepada persepsi individu terhadap ancaman keselamatan terhadap diri. Terdapat banyak variasi persepsi keterukan ini, dan individu akan mempertimbangkan akibat dari segi kesukaran atau kesan, seperti statistik kes COVID-19 yang meningkat. Variasi kedua persepsi keterukan ini ialah dari segi sosial (misalnya kehidupan keluarga, hubungan sosial serta persepsi awam) ketika menilai darjah keterukan (Williams et al., 2014). Ketiga, ialah anggapan manfaat yang dirasakan iaitu merujuk kepada persepsi individu terhadap keperluan atau kepentingan mengundi dalam waktu pandemik. Tindakan yang dilakukan untuk mencegah atau menghalang perbuatan atau elemen bergantung pada pertimbangan dan penilaian terhadap manfaat yang dijangka. Ini juga bergantung kepada penilaian risiko dan keselamatan (Mohd Azmir Mohd Nizah, 2020; Schneier, 2008). Keempat, anggapan halangan yang dirasakan yang merujuk kepada perasaan individu terhadap halangan untuk mengundi. Terdapat banyak variasi dalam halangan perasaan seseorang, atau halangan yang menyebabkan mereka menganalisa kos atau faedah. Pertimbangan keberkesanan tindakan terhadap persepsi bahawa ia mungkin berisiko, berbahaya, tidak menyenangkan (contohnya berkumpul dan berjumpa ramai orang), memakan masa atau menyusahkan.

Kelima, rangsangan yang diperlukan untuk membuat keputusan untuk membuang undi. Petunjuk ini boleh bersifat dalaman (peranan etika atau tanggungjawab) atau yang bersifat luaran (contohnya nasihat orang lain, anggota keluarga, artikel surat khabar, dan kerajaan). Keenam, keberkesanan diri yang merujuk kepada tahap keyakinan seseorang terhadap kemampuannya untuk mengambil keputusan membuang undi dalam waktu pandemik. Keberkesanan diri adalah konstruk dalam banyak teori tingkah laku kerana secara langsung ia berkait rapat dengan tingkah laku yang

diinginkan (Williams et al., 2014).

HBM dapat memberikan kerangka penjelasan terhadap persepsi keselamatan (Mohd Azmir Mohd Nizah et al., 2020a; Williams et al., 2014). Kerangka teori HBM ini dapat memberi penjelasan bahawa membuang undi dalam waktu pandemik berkait rapat dengan bagaimana kognitif menilai sesuatu situasi berdasarkan risiko dan seterusnya mengubah perlakuan masyarakat (Mohd Azmir Mohd Nizah et al., 2020b).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan analisa dokumen dan pungutan maklumat pemerhatian sepanjang PRN Melaka berlangsung dari 8 November sehingga 20 November 2021. Analisa dokumen adalah berdasarkan rujukan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) Majlis Keselamatan Negara (MKN), dan SPR. Maklumat pemerhatian pula berdasarkan laporan pemerhatian penulis sepanjang kempen pilihan raya berlangsung.

Melalui kaedah ini, penulis dapat membuat perbandingan di antara prosedur yang telah dikeluarkan, dan pengamatan pematuhan prosedur oleh elit politik. Dengan cara tersebut, paradoks antara amalan demokrasi dan kesedaran keselamatan diri dan negara dapat dipastikan.

HASIL KAJIAN

Berdasarkan laporan SPR mengenai jumlah peratus pengundi yang telah membuang undi pada PRN Melaka, data menunjukkan sejumlah 65.85% peratus merangkumi pengundi biasa, pengundi awal dan juga pengundi pos telah menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi. Peratus ini adalah jauh lebih rendah berbanding peratus pada PRU 14 serta tersasar daripada jangkauan SPR sendiri. Oleh yang demikian, terdapat dua faktor yang boleh difahami dalam konteks keselamatan dan juga amalan demokrasi.

1. PERSEPSI KESELAMATAN KENDIRI

Peratusan yang rendah ini boleh ditafsirkan sebagai penilaian risiko kerentanan dan keterukan akibat ancaman kebolehhangkitan terhadap COVID-19. Ini dapat dibuktikan dengan dapatan temubual rawak oleh penulis dengan beberapa bakal pengundi di kebanyakan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). Antara alasan yang diberikan oleh pengundi ialah kerisauan terhadap wabak COVID-19. Oleh yang demikian, responden turut menasihati ahli keluarga serta anak-anak yang bekerja dan tinggal di luar Melaka agar tidak pulang untuk mengundi.

Kerisauan ini ada benarnya dengan statistik kes jangkitan yang menunjukkan tren meningkat dan linear. Terdapat juga responden yang menyatakan bahawa walaupun SOP yang digariskan oleh MKN dan SPR adalah baik, tetapi kebimbangan terhadap tahap kepatuhan oleh pengundi lain menjadi pertimbangan juga untuk mengundi atau tidak.

Dalam satu aspek, elit politik hanya tertumpu kepada persoalan menyerahkan mandat kepada rakyat semata-mata. Ini dapat diambil daripada maklumbalas responden tentang kewajaran PRN dilaksanakan dalam waktu pandemik ini. Responden begitu kesal perebutan projek dan masalah individu telah mengheret rakyat untuk mengambil risiko terhadap kebolehhangkitan terhadap COVID-19. Telahan ini ada benarnya, kerana sepanjang tempoh berkempen, terdapat beberapa bilik gerakan (seperti di Sungai Udang) dan juga aktiviti (yang melibatkan pelajar universiti) yang telah menyebabkan jangkitan berlaku. Begitu juga dengan beberapa kompaun yang telah dikeluarkan kepada parti-parti yang terlibat akibat pelanggaran SOP kesihatan.

2. PERSEPSI PRN ADALAH SAMA DENGAN PRK

Oleh kerana PRN Melaka hanya melibatkan negeri Melaka sahaja, terdapat beberapa responden yang beranggapan PRN adalah sama dengan PRK, yang mana apabila sampai waktu Pilihan Raya Umum (PRU), maka mereka akan perlu mengundi sekali lagi. Oleh yang

demikian, responden mengambil keputusan bahawa tiada keperluan mendesak untuk membuang undi pada PRN ini, dan bersedia menunggu PRU nanti.

Dapatan ini membuktikan bahawa, pengundi masih lagi cetek dalam konteks demokrasi pilihan raya. Anggapan rutin pilihan raya setiap lima tahun sebelum ini telah menjadi skematik para pengundi. Hakikatnya, ia tidak sebegitu. Ini dapat dilihat melalui peratus pengundi yang membuang undi. Hampir semua tempat pembuangan undi yang dilawati oleh penulis serta beberapa rakan sekerja mendapati, pengundi saluran tiga dan empat dan seterusnya tidak mengambil keputusan untuk membuang undi. Pemerhatian mendapati, di sebelah pagi, kebanyakan tempat mengundi telah dipenuhi oleh pengundi saluran satu dan dua. Manakala di sebelah petang, saluran tiga, empat dan seterusnya sukar mendapatkan peratus pengundi yang baik.

PERBINCANGAN

Bagi PRN Melaka 2021 kali ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menggariskan beberapa protokol yang harus dipatuhi oleh setiap parti yang bertanding sejajar dengan Plan Pemulihan Negara (PPN) COVID-19 oleh pihak kerajaan. Selain daripada itu, terdapat juga SOP yang digariskan bagi para pengundi untuk dipatuhi agar kadar kebolehtangkitan dapat dikawal dengan berkesan. Rajah 2 adalah merupakan aktiviti dan protokol yang dibenarkan oleh KKM sepanjang kempen PRN Melaka bermula 8 November sehingga 19 November 2021.

AKTIVITI DAN PROTOKOL (PRN15 MELAKA)

Rajah 2

Aktiviti dan Protokol yang Dibenarkan oleh KKM Sepanjang Kempen PRN Melaka

Ceramah/ Kempen / Syarahan	Penganjuran ceramah/kempen/syarahan secara fizikal adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh pilihan raya
Kempen ziarah rumah ke rumah Walkabout	Tidak dibenarkan sebarang aktiviti secara walkabout sepanjang tempoh pilihan raya
Pengedaran Pamphlet	Calon dan/atau jentera pilihan raya dibenarkan untuk mengedarkan pamphlet bagi tujuan berkempen di peti-peti surat penduduk sekitar dengan mematuhi penjarakan fizikal sekurang-kurangnya 1 meter. Dihadkan tidak lebih daripada 3 orang untuk aktiviti pengedaran pamphlet. Pengedaran pamphlet kepada orang awam secara bersemuka adalah tidak dibenarkan sepanjang tempoh pilihan raya.
Kempen menggunakan Media Massa dan Media cetak	Calon digalakkan menggunakan aplikasi media sosial seperti Facebook, Twitter, Instagram, Wechat, Snapchat, Whatsapp, Telegram dan lain-lain aplikasi sebagai alat untuk menyampaikan kempen. Calon perlu mengaplikasikan penggunaan teknologi di dalam tempoh kempen selaras dengan “Norma Baharu” yang perlu diamalkan rentetan pandemic COVID-19.
Bilik Jawatankuasa (Bilik Gerakan Parti)	Had kapasiti bilik jawatankuasa (Bilik Gerakan Parti) adalah 50% daripada kapasiti ruang dan penjarakkan fizikal.
Jentera pilihan raya bagi parti-parti politik/ calon-calon pilihan raya	Semua yang terlibat dikehendaki menjalani ujian RTK Ag sendiri setiap dua (2) hari sepanjang kempen pilihan raya berlangsung dengan kos ditanggung sendiri. Setiap keputusan ujian RTK Ag sendiri (positif atau negatif) perlu dimuat naik dalam aplikasi My

Sejahtera. Hanya yang mempunyai keputusan negatif dibenarkan terlibat dalam aktiviti sepanjang kempen pilihan raya. Bagi individu dengan keputusan positif, tidak dibenarkan terlibat dalam mana-mana aktiviti kempen pilihan raya dan mengikuti garis panduan sedia ada.

Sejak kempen PRN Melaka yang bermula dari 8 November sehingga hari pengundian pada 20 November yang lalu, sebanyak sembilan kompaun yang bernilai RM120,000 dikeluarkan oleh polis Melaka kepada parti politik yang bertanding. Ini kerana melakukan pelbagai kesalahan sepanjang tempoh berkempen PRN Melaka. Antara kesalahan yang dilakukan adalah seperti kerana berkempen dari rumah ke rumah bertujuan mengedarkan risalah kempen secara bersemuka, berkempen di kedai makan secara berkumpulan dan membuat siaran media secara terbuka di lokasi melibatkan kehadiran ramai. Manakala, sebanyak 37 kertas siasatan lagi dibuka sepanjang tempoh berkempen itu atas melakukan pelbagai kesalahan yang membabitkan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342) dan juga akta Pilihan Raya 1954. Sebanyak 19 kertas siasatan yang dibuka adalah berkenaan Akta 342 kerana melanggar SOP dalam mengekang penularan COVID-19 kerana berhimpun dan sebagainya manakala 18 kertas siasatan lagi dibuka mengikut Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Jika dilihat dari sudut positif, SOP yang dikeluarkan oleh KMM pada PRN Melaka ini adalah baik dan juga berjaya dipatuhi oleh setiap parti politik yang bertanding. Walaupun terdapat insiden yang melibatkan penutupan bilik Gerakan seperti di Telok Mas, Alai dan Sungai Udang akibat penularan COVID-19 namun secara keseluruhan SOP yang dikeluarkan KKM berjaya mengekang penularan wabak COVID-19 dengan baik. Begitu juga pada hari pengundian terdapat seorang pengundi di Sekolah Kebangsaan Jeram (di dalam kawasan Tanjung Bidara) didapati positif COVID-19. Namun tindakan segera berjaya dilakukan oleh petugas Kesihatan di pusat mengundi tersebut bagi memastikan tiada penularan wabak berlaku. Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Alor Gajah juga telah mengambil tindakan dengan mengarahkan pihak

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) di pusat mengundi terlibat untuk menutup sementara kawasan berisiko termasuk saluran mengundi untuk proses disinfeksi menyeluruh. Insiden ini adalah bukti kepada kebimbangan yang disuarakan oleh pengundi-pengundi, tetapi pada waktu yang sama, terpaksa melunaskan tanggungjawab sebagai pengundi. Inilah paradoks yang terpaksa dihadapi oleh pengundi antara tanggungjawab demokrasi dan juga keselamatan individu yang menjadi keutamaan negara pada waktu pandemik ini. Begitu juga dengan persoalan keselamatan pilihan raya (Nor, 2021).

Jika dilihat secara keseluruhan, PRN Melaka ini boleh dijadikan sebagai rujukan bagi PRN Sarawak yang bakal diadakan pada bulan hadapan. Adalah menjadi harapan semua pihak agar semua SOP yang diguna pakai pada PRN Melaka akan digunakan pada PRN Sarawak pada Disember nanti. SOP yang dikeluarkan ini adalah perlu bagi mengekang penularan COVID-19 dikalangan rakyat agar apa yang berlaku di PRN Sabah tidak berulang kembali. Pada waktu ini, telah berlaku sedikit peningkatan terhadap jangkitan, tetapi diharapkan ia menjadi panduan pada masa hadapan. Walaupun terdapat permintaan dari beberapa parti politik agar SOP yang dikeluarkan oleh KKM pada PRN Melaka dapat dilonggarkan pada PRN Sarawak nanti, namun diharapkan pihak KKM dan juga SPR dapat bertegas bagi meneruskan PRN Sarawak nanti.

KESIMPULAN

Kajian ini mendapati PRN Melaka yang berlangsung baru-baru ini boleh di anggap berjaya, walaupun wujud pertembungan kepentingan di antara keperluan demokrasi serta tuntutan keselamatan diri. Pilihan raya luar biasa yang pertama kali menggunakan SOP yang ketat dipatuhi walaupun terdapat beberapa insiden yang berlaku. Matlamat utama objektif SOP yang digariskan oleh KKM adalah untuk mengekang penularan wabak COVID-19 dalam kalangan rakyat dan ia boleh dianggap berjaya pada PRN Melaka kali ini. Kerangka SOP yang ada ini boleh menjamin keselamatan sebahagian besar pengundi dan parti yang bertanding

pada 18 Desember 2021 nanti dalam PRN Sarawak pula. Apa yang pasti, wujud paradoks antara demokrasi dan persoalan keselamatan individu yang mempunyai hubungan langsung dengan keselamatan negara.

RUJUKAN

- Al-Tahitah, A. N., Al-Sharafi, M. A., & Abdulrab, M. (2021). How COVID-19 Pandemic Is Accelerating the Transformation of Higher Education Institutes: A Health Belief Model View. *Studies in Systems, Decision and Control*, 348, 333–347. https://doi.org/10.1007/978-3-030-67716-9_21
- Barakat, A. M., & Kasemy, Z. A. (2020). Preventive health behaviours during coronavirus disease 2019 pandemic based on health belief model among Egyptians. *Middle East Current Psychiatry*, 27(1). <https://doi.org/10.1186/s43045-020-00051-y>
- Carico, R. R., Sheppard, J., & Thomas, C. B. (2021). Community pharmacists and communication in the time of COVID-19: Applying the health belief model. In *Research in Social and Administrative Pharmacy*, 17(1), 1984–1987. <https://doi.org/10.1016/j.sapharm.2020.03.017>
- Christensen, I. P., Wagner, H. L., Halliday, M. S., Christensen, I. P., Wagner, H. L., & Halliday, M. S. (2020). Health Belief Models. In *Instant Notes Psychology*. <https://doi.org/10.1201/9781003059332-80>
- Costa, M. F. (2020). Health belief model for coronavirus infection risk determinants. *Revista de Saude Publica*, 54. <https://doi.org/10.11606/S1518-8787.2020054002494>
- Crouch, H. A. (1996). *Government and Society in Malaysia*. Cornell University Press.
- JHCRC (2021). COVID-19 Map. Johns Hopkins Coronavirus Resource Center. <https://coronavirus.jhu.edu/map.html>
- Jose, R., Narendran, M., Bindu, A., Beevi, N., L, M., & Benny, P. V. (2021). Public perception and preparedness for the pandemic COVID-19: A Health Belief Model approach. *Clinical Epidemiology and Global Health*, 9(June 2020),

41–46. <https://doi.org/10.1016/j.cegh.2020.06.009>

KKM (2021). *COVID-19 MALAYSIA*. Kementerian Kesihatan Malaysia. <http://covid-19.moh.gov.my/>

Lim, J. T., Maung, K., Tan, S. T., Ong, S. E., Lim, J. M., Koo, J. R., Sun, H., Park, M., Tan, K. W., Yoong, J., Cook, A. R., & Dickens, B. S. L. (2021). Estimating direct and spill-over impacts of political elections on COVID-19 transmission using synthetic control methods. *PLoS Computational Biology*, 17(5), e1008959. <https://doi.org/10.1371/journal.pcbi.1008959>

Milne, R. S., & Mauzy, D. K. (2002). *Malaysian Politics Under Mahathir*. Routledge.

Mohamad, B., Dauda, S. A., & Halim, H. (2018). Youth offline political participation: Trends and role of social media. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 34(3), 172–192. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3403-11>

Mohd Azmir Mohd Nizah, .., & Afi Roshezry Abu Bakar, .. (2020). Demokrasi Perwakilan dan Perlembagaan: Analisa Berdasarkan Isu- isu Semasa. *Sains Insani*, 5(1), 82–86. <https://doi.org/https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol5no1.180>

Mohd Azmir Mohd Nizah, . (2020). *Psikologi Keselamatan Sangat Penting dalam Perjuangan Menentang COVID-19*. Negeri FM, Radio & Television Malaysia.

Mohd Azmir Mohd Nizah, Afi Roshezry Abu Bakar, & Wirawahida Kamarul Zaman, (2020a). Analisa Kes Ingkar Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1 - Fasa 5 Semasa Pandemik COVID-19. *Jurnal Psikologi Keselamatan*, 2, 83–92.

- Mohd Azmir Mohd Nizah, Afi Roshezry Abu Bakar, & Wirawahida Kamarul Zaman, (2020b). Analisa Psikologi Keselamatan Terhadap Kes Ingkar Arahan Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 1- Fasa 5 Melalui Kerangka Maqasid Syariah. *3rd International Seminar on Islam and Science 2020*, 85–98.
- Mohd Azmir Mohd Nizah, & Sharif, S. M. (2019). Undi 18 : Belia dan Politik Konvensional. In Mohd Azmir Mohd Nizah, Mashitah Sulaiman, & Adibah Sulaiman @ Mohamad (Eds.), *e-Prosiding Seminar Tamadun, Etnik dan Turath Islami (i-STET) 2019* (pp. 304–310). Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Morgenbesser, L., & Pepinsky, T. B. (2019). Elections as Causes of Democratization: Southeast Asia in *Comparative Perspective*. *Comparative Political Studies*, 52(1), 3–35. <https://doi.org/10.1177/0010414018758763>
- Nor, N. M. (2021). Impak Penularan Pandemik Coronavirus Terhadap Faktor-faktor yang Mempengaruhi Tahap Keselamatan Pilihan Raya: Satu Kajian Konsep. *Journal of Public Security and Safety*, 11(1), 149–162.
- Roskin, M., Cord, R. L., Medeiros, J. A., & Jones, W. S. (2017). *Political Science: An Introduction* (14th ed.). Pearson Education Limited.
- Schneier, B. (2008). *The Psychology of Security*. In *The Psychology of Security*. In: Vaudenay S. (eds) *Progress in Cryptology – AFRICACRYPT 2008.: Vol. 5023 LNCS* (Issue 4, pp. 50–79). Springer. https://doi.org/10.1007/978-3-540-68164-9_5
- Shahnazi, H., Ahmadi-Livani, M., Pahlavanzadeh, B., Rajabi, A., Hamrah, M. S., & Charkazi, A. (2020). Assessing preventive health behaviors from COVID-19: a cross sectional study with health belief model in Golestan Province, Northern of Iran. *Infectious Diseases of Poverty*, 9(1). <https://doi.org/10.1186/s40249-020-00776-2>

- Taylor, D., Bury, M., Campling, N., Carter, S., Garfield, S., Newbould, J., & Rennie, T. (2006). A Review of the use of the Health Belief Model (HBM), the Theory of Reasoned Action (TRA), the Theory of Planned Behaviour (TPB) and the Trans-Theoretical Model (TTM) to study and predict health related behaviour change. In *National Institute for Health and Clinical Excellence* (Issue June).
- Tong, K. K., Chen, J. H., Yu, E. W. Yat, & Wu, A. M. S. (2020). Adherence to COVID-19 Precautionary Measures: Applying the Health Belief Model and Generalised Social Beliefs to a Probability Community Sample. *Applied Psychology: Health and Well-Being*, 12(4). [https:// doi. org/ 10.1111 /aphw.12230](https://doi.org/10.1111/aphw.12230)
- Williams, C. K., Wynn, D., Madupalli, R., Karahanna, E., & Duncan, B. K. (2014). Explaining users' security behaviors with the security belief model. *Journal of Organizational and End User Computing*, 26(3), 23–46. [https:// doi. org/10.4018/joeuc.2014070102](https://doi.org/10.4018/joeuc.2014070102)
- Wong, L. P., Alias, H., Wong, P. F., Lee, H. Y., & AbuBakar, S. (2020). The use of the health belief model to assess predictors of intent to receive the COVID-19 vaccine and willingness to pay. *Human Vaccines and Immunotherapeutics*, 16(9), 2204–2214. [https:// doi.org /10. 1080/ 216455 15. 2020.1790279](https://doi.org/10.1080/21645515.2020.1790279)